

Dua sekolah ditutup akibat banjir

SETIU – Seramai 772 murid bagi dua sekolah rendah di daerah ini tidak dapat ke sekolah setelah banjir kali ketiga melanda daerah ini bermula kelmarin.

Dua sekolah yang terlibat adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Besut melibatkan murid seramai

184 orang dan SK Kampung Buluh (588 orang).

Timbalan Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Setiu, Kipayatu Allah Mohd Said berkata, dua sekolah itu tidak dapat meneruskan sesi persekolahan seperti biasa setelah air memenuhi kawasan pe-

karangan sekolah.

“Selain itu, laluan untuk ke sekolah itu juga telah ditutup kepada kenderaan ringan semenjak malam kelmarin kerana berlakunya limpahan air sungai.

“Atas faktor keselamatan murid dan guru, Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu (JPNT) dan PPD ber-setuju untuk menutup kedua-dua sekolah itu semalam bagi mengelakkan terjadi perkara diluar jangkaan,” katanya.

Kipayatu Allah berkata, bagi memastikan proses pembelajaran murid di dua sekolah itu tidak terjejas, JPNT telah memaklumkan kepada PPD supaya sesi persekolahan pada Sabtu diadakan pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

“Keputusan ini dibuat bagi memastikan pembelajaran murid di sekolah yang terlibat banjir, tidak menjejaskan prestasi akademik dan cuti yang diberikan ini akan diganti semula.

“Sehubungan itu, diharapkan ibu bapa peka dengan maklumat yang akan diberikan pihak sekolah dari masa ke masa dan mengharapkan banjir yang berlaku ini tidak menjadi pesta air kepada murid yang tidak dapat ke sekolah,” katanya.



Mohd Fakrul Ahmad (kiri) bersama rakannya Harda Isfi Asraf Hasan yang juga murid tahun enam SK Kampung Buluh mengangkat buku teks yang ditenggelami air.